

**UCAPAN OLEH TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI UNIVERSITAS HASANUDDIN, MAKASSAR, REPUBLIK INDONESIA
PADA HARI KHAMIS, 14 JANUARI 2010**

“Demokrasi untuk Kesejahteraan Rakyat”

1. Saya ucap terima kasih kerana dijemput oleh Universitas Hasanuddin, Makassar, Indonesia, untuk menghurai pendapat saya berkenaan dengan “Demokrasi untuk Kesejahteraan Rakyat.”
2. Demokrasi bukanlah matlamat. Sebaliknya, ia adalah satu alat, atau satu sistem pentadbiran yang diciptakan oleh ahli pemikir Barat untuk kesejahteraan rakyat.
3. Seperti juga dengan alat, sistem atau ideologi lain ia akan hanya menghasilkan matlamat yang diidamkan jika pihak yang menggunakannya tahu dan cekap bagaimana menggunakannya. Pengguna juga harus kenal limit atau batasan yang sistem ini boleh berfungsi, kebolehannya dan setakat mana yang ia boleh mendatangkan hasil yang diharapkan. Jika sesuatu sistem diguna lebih daripada kemampuannya, maka tentulah hasilnya tidak tercapai atau tidak sebaik yang diharapkan, bahkan mungkin merosakkan sistem sehingga tidak berkesan lagi.
4. Dalam sejarah manusia bertamadun banyak sudah sistem pemerintahan yang dicipta, diguna dan kemudian digugurkan. Sebab yang sistem-sistem ini digugurkan ialah kerana setelah beberapa lama diamal hasil-hasil yang diharapkan tidak tercapai. Bukan sahaja itu tetapi hasil yang dicapai mungkin amat buruk sehingga tidak mendatangkan kesejahteraan kepada masyarakat seperti yang dijanji.
5. Demikianlah dengan sistem feudal dan pemerintahan yang terhad kepada satu keluarga turun-temurun. Kuasa yang tidak terhad diberi kepada yang dipertuankan dan keturunannya. Walaupun mungkin terdapat individu yang dipertuankan, walau apa juga gelaran – Raja atau Sultan atau Maharaja – yang dapat memerintah dengan baik, tetapi masih mungkin keturunannya didapati zalim, tidak cekap dan menjadi beban kepada masyarakat. Inilah kelemahan sistem feudal. Kemungkinan besar ia gagal mencapai matlamat yang ditujukan. Lebih buruk lagi ia memerlukan tindakan ganas untuk menghentikan.
6. Oleh kerana kelemahan ini sistem feudal akhirnya diganti dengan sistem pemerintahan oleh rakyat – Republik atau mengembalikan kuasa pemerintahan kepada publik – iaitu rakyat. Sistem ini diguna dizaman tamadun Greek diwaktu mana terdapat beberapa negara bandaraya atau “city states”, yang sudah tentu kecil dan mudah ditadbir. Peperangan di antara city-state ini berakhir dengan penyatuan semua daripada mereka kedalam sebuah negara Greece yang diperintah tanpa demokrasi.

7. Pemerintahan oleh rakyat bagi negara yang besar sukar diadakan secara langsung. Maka hak berpolitik dihadkan kepada puak elit – umpamanya pemilik hartanah. Ada juga syarat lain seperti umur dan jantina yang dikenakan. Sistem ini boleh disamakan dengan sistem demokrasi terhad. Bagi yang berhak mengambil bahagian dalam politik dan pentadbiran inipun, perwakilan terpaksa diadakan untuk terlibat secara langsung dengan urusan pemerintahan.

8. Sistem demokrasi dihidup semula dengan tercetusnya Revolusi Perancis pada tahun 1789. Republik Perancis bermula dengan tindakan ganas membunuh keluarga di Raja dan elit-elit yang lain. Tetapi ia tidak dihentikan di situ sahaja. Ratusan ribu rakyat dibunuh untuk mendirikan pemerintahan rakyat yang berslogan “Liberte, Egalite, Fraternite”.

9. Walaupun demikian dunia menerima Revolusi Perancis sebagai permulaan dan contoh pemerintahan demokrasi moden.

10. Pada hakikatnya dalam demokrasi Perancis bukan rakyat yang memerintah tetapi tokoh-tokoh tertentu yang merebut peluang daripada kejatuhan pemerintahan beraja. Dan kerap kali tokoh-tokoh ini menyalahguna kuasa mereka. Dengan itu berlakulah “the Reign of Terror” – Pemerintahan Ganas oleh apa yang dikenali sebagai “The Committee of Public Safety”. Penindasan rakyat oleh Pemerintahan untuk rakyat ini lebih buruk daripada yang pernah dilakukan oleh Pemerintahan raja dahulu. Dengan itu sistem beraja terpaksa dikembalikan semula.

11. Di zaman revolusi industri pula penindasan oleh majikan keatas pekerja mereka menyebabkan ideologi baru dicipta yang kononnya lebih adil dan saksama. Ia juga diperkenalkan sebagai satu jenis demokrasi dimana golongan pekerja dijanjikan akan mendapat layanan yang lebih baik dan adil.

12. Ideologi sosialis dan komunis ini juga mencetuskan keganasan dalam proses memindah kuasa dari golongan majikan yang kaya kepada golongan pekerja. Sekali lagi ratusan ribu dibunuh untuk menentukan pemerintahan Komunis terutamanya di terima.

13. Masa 70 tahun berlalu sebelum keburukan sistem komunis diakui dan ianya ditolak. Penolakan ini memberi kemenangan kepada sistem demokrasi yang bersandar kepada kapitalisma. Inilah sistem yang diamal sekarang yang dianggap sebagai yang terbaik yang pernah dicipta oleh tamadun manusia.

14. Malangnya hari ini kita melihat sekali lagi unsur-unsur yang tidak baik kerana salahguna kuasa oleh pemimpin demokrasi kapitalis. Bukan sahaja pemimpin-pemimpin ini cuba supaya demokrasi mereka diterima oleh dunia dengan mengguna tekanan berbagai cara termasuk perang, tetapi mereka yang terima sistem demokrasi kerap kali gagal mendapat nikmat darinya. Di beberapa

negara pemerintah yang berwibawa dan stabil tidak dapat diadakan kerana rakyat tidak memilih wakil dan pemimpin yang terbaik tetapi sebaliknya memilih mengikut parti, puak dan kaum dan kerana sogokan wang.

15. Yang jelas ialah tidak ada sebenarnya sistem atau ideologi dalam pembentukan pemerintahan yang tidak cacat. Lambat laun sistem apa pun akan disalahguna oleh pemimpin dan rakyat juga sehingga gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat. Dalam pada itu kos untuk memperkenalkan sesuatu sistem amatlah tinggi. Ratusan ribu, bahkan berjuta rakyat dikorbankan dalam usaha untuk mendirikan demokrasi yang kononnya akan memberi kesejahteraan kepada rakyat.

16. Kita sedang melihat proses ini berlaku dihadapan mata kita hari ini. Kerana negara demokratik ingin membawa kebaikan demokrasi kepada negara-negara tertentu, jauh dari membawa kesejahteraan kepada rakyat, mereka dibunuh beramai-ramai dan negara dihancurkan dengan bom dan roket. Dari sebuah negara diktator yang memperlihatkan beberapa orang rakyat dibunuh, rejim demokrasi yang menggantinya menyebabkan ratusan ribu rakyat terbunuh. Apakah ini yang dikatakan kesejahteraan rakyat yang dijanjikan oleh demokrasi?

17. Hari ini juga kita dapat lihat betapa bengisnya negara demokratik yang secara terus terang menyatakan keazaman mereka untuk melakukan “regime change”, untuk mengadakan “pre-emptive war”, menyokong keganasan rejim Israel kerana Israel adalah demokratik, yang menggunakan sekatan bekalan makanan dan ubat-ubatan kepada negara yang lemah dan tidak mampu menyelamatkan diri mereka, demokrasi yang memiliki “double-standard” dan pilih kasih, yang menyerang kewangan negara-negara yang lemah sehingga mencetuskan rusuhan dan pengangguran berjuta pekerja dan lain-lain penindasan dan ketidakadilan.

18. Demokrasi pada asasnya hanyalah untuk memberi hak kepada rakyat untuk memilih perwakilan dan pemerintahan mereka. Tetapi sekarang ada pula tambahan kepada syarat berdemokrasi, iaitu hak asasi manusia, hak berpolitik, kebebasan bersuara, kebebasan bagi media, hak minoriti, hak pekerja hak wanita dan lain-lain lagi.

19. Semua ini memang baik seperti yang disangkakan oleh pencipta hak-hak ini. Malangnya semua ini terdedah kepada tafsiran yang lain, yang keterlaluan daripada yang diharapkan. Demikian hak bersuara dan kebebasan akhbar boleh disalahgunakan untuk mengapi-apikan permusuhan antara kaum dan kelompok, antara penganut agama yang berlainan dalam masyarakat sehingga tercetus huru-hara dan rusuhan dalam negara. Jauh daripada membawa kesejahteraan kepada rakyat, hak-hak baru dalam demokrasi ini kerap mengancam kestabilan dan kesejahteraan rakyat.

20. Beberapa negara demokratik tidak dapat ditenteramkan sama sekali. Yang dipilih untuk memerintah tidak dapat tumpukan kepada pembangunan umpamanya, kerana terpaksa bertindak untuk meleraikan mereka yang bermusuh. Kadang-kadang kerana mogok atau demonstrasi besar-besaran dan berpanjangan pemerintah dijatuhkan. Pemerintahan baru diadakan tetapi pemerintah yang baru pula diserang dengan demonstrasi dan mogok yang sama sehingga sekali lagi pemerintah terpaksa undur. Keadaan dalam negara menjadi kucar-kacir dan rakyat menderita kerana pemerintah tidak stabil dan tidak dapat melaksanakan dasar dan perancangannya.

21. Untuk menghormati prinsip-prinsip demokrasi, kekerasan tidak boleh diguna bagi menghentikan tindakan liar oleh rakyat. Malangnya, kerap kali tindakan demonstrasi dan mogok mengganggu kesejahteraan rakyat. Ini bermakna demokrasi gagal membawa nikmat yang dijanjikan.

22. Kita perlu akui ada negara yang demokratik yang jelas maju dan rakyat mereka hidup sejahtera. Demikian di beberapa buah negara Eropah dan Amerika Utara. Kita lihat bagaimana kebebasan yang liberal yang diamalkan oleh negara-negara ini tidak menjejaskan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Kita lihat negara-negara ini menjadi begitu stabil dan kukuh. Pilihanraya demi pilihanraya dapat diadakan tanpa keganasan dan bunuh-membunuh.

23. Sebabnya ialah kerana demokrasi mereka sudah dewasa. Pada mulanya demokrasi mereka tidaklah menyeluruh. Hak memilih wakil terhadap kepada rakyat yang memiliki hartanah sahaja. Dengan perlahan-lahan mereka yang tidak memiliki hartanah juga diberi hak mengundi. Sedikit demi sedikit hak mengundi diperluaskan sehingga tiap seorang yang dewasa, samada lelaki atau perempuan berhak mengambil bahagian dalam politik di semua peringkat.

24. Proses memperluaskan hak rakyat berpolitik di negara Eropah yang berjalan dengan perlahan-lahan, bahkan mengambil masa hingga dua abad memberi peluang kepada rakyat mempelajari bagaimana demokrasi perlu diamalkan. Ini adalah sebabnya demokrasi mereka berjaya. Masalahnya bagi negara-negara yang baru merdeka, yang baru sahaja dibebaskan daripada pemerintahan kuku-besi penjajah, pengetahuan dan pengalaman dalam selok-belok demokrasi amat berkurangan. Namun mereka digesa, bahkan dipaksa supaya menerima sistem demokrasi bagi negara mereka. Tidak hairanlah jika mereka gagal atau tidak mendapat faedah yang dijanjikan oleh demokrasi.

25. Benar kita tidak boleh menunggu dua abad untuk mempelajari cara-cara demokrasi. Tetapi jika masa tidak dapat diberi, sekurang-kurangnya dunia harus bersikap lebih toleran jika demokrasi negara yang baru sahaja memerintah diri sendiri tidak begitu liberal seperti yang terdapat dalam demokrasi lama. Lagipun, budaya rakyat yang baru mencapai kemerdekaan mungkin tidak dapat terima kebebasan yang keterlaluan yang didapati di negara-negara yang menerima

liberal demokrasi. Kita lihat umpamanya keruntuhan moral sehingga ke tahap menolak institusi perkahwinan dan kekeluargaan dan sebagainya di negara liberal.

26. Apa yang kita lihat disini ialah interpretasi akan prinsip-prinsip yang adil dan mulia iaitu kebebasan manusia dalam demokrasi, yang telah diperluaskan sehingga menjadi tidak mulia dan tidak adil. Akhirnya mereka melakukan perkara-perkara yang mengugat kesejahteraan rakyat.

27. Sesungguhnya tidak ada sistem atau ideologi yang bebas daripada disalahtafsir dan disalahguna. Agama juga terdedah kepada kemungkinan ini.

28. Walaupun demikian, kita harus akui bahawa diantara sistem dan ideologi untuk menentukan kesejahteraan rakyat sesebuah negara, masih tidak ada yang lebih baik dari demokrasi. Apakah yang lebih adil dari pemerintahan rakyat oleh rakyat untuk rakyat. Jika ianya tidak berjaya mendatangkan kesejahteraan bagi rakyat sebabnya bukanlah kerana prinsip-prinsip demokrasi itu sendiri tetapi kerana kesalahan tafsiran dan kerana ditambah tokok dengan idea yang lain.

29. Pada asasnya demokrasi memperuntukkan kuasa bagi rakyat memilih pemerintahan. Ini dilakukan dengan cara mengundi dan pihak yang mendapat lebih undi hendaklah diterima sebagai berhak memerintah. Pihak yang gagal perlu bersabar dan menghormati keputusan majoriti rakyat.

30. Jika pemerintahan yang didirikan oleh pihak yang menang tidak baik, atau tidak seperti yang dikehendaki parti yang kalah, mereka perlu menanti sehingga tamat edahnya pemerintahan parti yang menang. Dalam pemilihan yang baru, yang kalah bolehlah dedah kegagalan parti yang memerintah, dan program serta polisi yang akan diperkenal oleh parti yang mencabar supaya mendapat sokongan dari majoriti rakyat. Jika rakyat terpicik dan memberi sokongan maka dapatlah parti pencabar menjadi pemerintah yang baru. Jika tidak maka pencabar perlu terima siapa sahaja yang dipilih oleh rakyat.

31. Jika diberi penghormatan kepada cara-cara demokrasi maka akan selamat dan stabil negara. Apabila negara selamat dan stabil, bebas daripada tindakan-tindakan liar maka pentadbiran akan dapat tumpukan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat.

32. Jika pemerintah negara demokratik ini lurus dan cekap, dan dapat memerintah dalam keadaan aman dan stabil, kesejahteraan rakyat mungkin tercapai dan negara dimajukan juga untuk rakyat

33. Tetapi jika pemerintah yang dipilih rakyat melalui pemilihan umum tidak dapat menunaikan janji, menunjuk prestasi yang terlalu buruk sehingga rakyat gelisah dan tidak dapat tunggu pemilihan umum diadakan, maka pemerintah boleh dijatuhkan melalui undi tidak percaya dalam dewan. Jika tindakan ini

berjaya pemerintah akan jatuh dan ahli-ahli dewan boleh memilih seorang diantara mereka yang mendapat kepercayaan majoriti untuk mendirikan pemerintahan baru.

34. Jika proses ini juga gagal Dewan boleh dibubar melalui undi tidak percaya dan pemilihan umum diadakan untuk memilih pemerintahan baru.

35. Di kebanyakan negara yang sudah dewasa dalam pengamalan demokrasi semua ini boleh berjalan dengan baik. Negara akan tenteram dan selamat dan rakyat yang mahir dengan cara-cara demokrasi akan perolehi nikmat dan kesejahteraan.

36. Ini bermakna bukan sahaja ahli politik dan parti-parti politik perlu faham cara-cara demokrasi berjalan, tetapi rakyat juga harus tahu bagaimana mendukung system demokrasi.

37. Bagi beberapa negara Barat hanya dua buah parti sahaja yang ditubuhkan. Keadaan ini mencerminkan kedewasaan rakyat dan ahli-ahli politik. Tetapi mungkin ada banyak pendapat yang berbeza-beza di kalangan rakyat berkenaan dengan pemerintahan negara dan ini akan bawa kepada adanya lebih daripada dua parti politik. Dalam keadaan seperti ini mungkin undang-undang digubal supaya parti yang terlalu kecil dan tidak nasional ditegah untuk mengelak pembaziran. Mungkin juga mereka dibenar jika ada sebab-sebab tertentu.

38. Dalam keadaan parti-parti nasional juga ramai, jumlah calon disatu-satu kawasan mungkin ramai. Dalam keadaan ini undi bagi calon-calon yang ramai akan berpecah sehingga tidak ada siapa pun yang mendapat "absolute majority". Jika ini berlaku di kebanyakan kawasan, mungkin tidak ada parti yang mendapat jumlah wakil yang cukup untuk mendirikan pemerintahan.

39. Dalam keadaan ini pemerintahan campuran antara parti atau "Coalition Government", boleh diadakan bagi menentukan pemerintah mempunyai sokongan majoriti dalam dewan.

40. Pemerintahan campuran seperti ini biasanya lemah. Jika sebuah parti yang kecil pun menarik diri, mungkin pemerintahan akan hilang kuasa dan akan jatuh. Dengan kesederan ini parti rakan yang kecil akan menuntut supaya diberi peranan yang lebih besar daripada yang sepatutnya, dengan mengugut akan keluar daripada parti campuran dan menjatuhkan pemerintah. Sudah tentu parti yang besar akan berasa terancam sepanjang masa dan tidak dapat memberi khidmat yang baik bagi negara dan rakyat.

41. Izinkan saya rujuk sedikit berkenaan parti campuran yang memerintah Malaysia selama lebih setengah abad. Di Malaysia tiap kawasan akan pilih seorang wakil. Parti yang mendapat jumlah wakil yang terbesar akan membentuk Kerajaan. Parti campuran Malaysia iaitu Barisan Nasional

mempunyai empat belas buah parti. Tetapi parti campuran Barisan Nasional di Malaysia ditubuh sebelum pemilihan umum. Kerusi-kerusi parlimen atau negeri yang dipertandingkan diagih antara parti-parti komponen sebelum pemilihan umum dan mereka tidak akan bersaing antara mereka. Sebaliknya mereka akan sokong semua calon tanpa mengambilkira daripada parti komponen yang mana calon berkenaan. Ini bermakna semua empat belas parti akan sokong tiap-tiap calon. Kemungkinan tentulah lebih baik bagi calon parti campuran BN menang. Sesungguhnya BN bergerak sebagai sebuah parti dengan tidak membelakangkan mana-mana kaum yang diwakili didalamnya oleh parti-parti komponen.

42. Kerana kerjasama yang erat di antara parti-parti komponen dalam pemilihan umum biasanya BN mendapat majoriti yang besar – lebih dari dua pertiga dari kerusi parlimen dan negeri. Pemerintahan yang ditubuh juga menjadi kuat dan dapat menentukan segala undang-undang dan dasar yang dikemukakan kepada Parlimen akan dapat diluluskan.

43. Bagi negara membangun dengan penduduk pelbagai kaum dan agama seperti Malaysia, majoriti yang besar diperlukan supaya dasar atau undang-undang yang hendak di luluskan oleh Dewan, walaupun tidak popular seperti kenaikan cukai umpamanya masih dapat diluluskan. Kerana kekuatan inilah maka pemerintahan Barisan Nasional berjaya membangunkan negara dan memberi kesejahteraan kepada rakyat.

44. Walaupun demikian parti campuran seperti BN tidak boleh menjamin kemenangan tiap masa. Faktor-faktor lain juga boleh pengaruhi prestasi BN.

45. Kerajaan BN pimpinan Tun Abdullah Badawi gagal mendapat sokongan rakyat seperti dahulu. Dengan itu BN gagal mendapat majoriti dua pertiga dalam pilihanraya 2008. Kerajaan yang lemah yang didirikan oleh Tun Abdullah mudah dicabar oleh parti lawan. Kelemahan ini juga membawa pada kelemahan parti-parti komponen Barisan Nasional sehingga kerap berlaku rebutan kuasa untuk menjadi pemimpin parti. Pembangunan kesejahteraan rakyat tidak dapat diuruskan oleh pemerintahan Kerajaan Malaysia dibawah Abdullah dan ini diwarisi oleh penggantinya Dato Seri Najib. Hari ini pembangunan Indonesia sudah mendahului Malaysia akibat kelemahan Kerajaan Campuran BN.

46. Walaupun demokrasi berjalan dengan baik tetapi ternampak jelas tidak ada jaminan yang ianya akan membawa kesejahteraan bagi rakyat. Segalanya bergantung kepada budaya dan kedewasaan rakyat negara berkenaan.

47. Sesungguhnya sistem semata-mata tidak akan dapat mewujudkan pemerintahan yang berwibawa, baik dan mampu membawa kesejahteraan kepada rakyat dan negara. Dan sesungguhnya sistem apa pun boleh membawa kesejahteraan kepada rakyat jika yang berkuasa prihatin, cinta pada negara dan

rakyat, dan ingin melihat negara bangun dan maju dan memberi kesejahteraan pada mereka.

48. Bukan semua negara-negara yang beraja atau yang dikuasai oleh pemerintah kuku-besi dalam sejarah manusia yang kejam dan tidak dapat mendatangkan kesejahteraan kepada rakyat. Tetapi mungkin benar kebanyakan daripada pemerintahan feodal dan otoritarian gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat.

49. Kelebihan demokrasi ialah apabila pemerintahan yang dipilih gagal, ia boleh diganti dengan hanya mengundi bagi parti lain. Revolusi, tindakan liar dan ganas, perang saudara tidak perlu untuk mengganti pemerintah seperti yang harus dilakukan apabila pemerintahan beraja atau pemerintahan kuku-besi hendak dijatuhkan.

50. Dalam analisa yang terakhir, buat masa sekarang adalah jelas yang demokrasi lebih mampu membawa kesejahteraan untuk rakyat daripada apa-apa ideologi atau sistem pemerintahan lain.
